

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2019**

MPP 3

**PERNIAGAAN
KERTAS 1**

NAMA :

KELAS :

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Modul Perkembangan Pembelajaran 3
PERNIAGAAN
Kertas 1
3766/1
Ogos 2019

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

1. Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan objektif utama sesebuah perniagaan?
 - A Meningkatkan kuasa beli pengguna
 - B Menawarkan barangan kepada pengguna
 - C Memberikan keselesaan kepada pelanggan
 - D Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan

2. Pernyataan yang manakah menerangkan ciri koperasi?
 - A Kawalan operasi adalah secara autokratik
 - B Ahli menanggung liabiliti tidak terhad
 - C Semua anggota berhak mengundi
 - D Pulangan syer kepada ahli dalam bentuk elaun

3. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri keperluan manusia?
 - A Keperluan mudah dipenuhi
 - B Menjadikan hidup lebih selesa
 - C Melambangkan kemewahan
 - D Keperluan berbeza untuk semua individu

4. Apakah peranan kerajaan negeri Terengganu dalam membantu mengembangkan aktiviti perniagaan keropok di Terengganu?
 - A Memberikan pelepasan cukai
 - B Mengadakan promosi perniagaan
 - C Menyediakan pembiayaan kewangan
 - D Melaksanakan pengubalan undang-undang

5. Pernyataan yang manakah yang menunjukkan wujudnya pengangguran kitaran?
 - A Pekerja menganggur kerana kontrak kerja telah tamat
 - B Majikan mengecilkan bilangan pekerja akibat kemelesetan ekonomi
 - C Majikan mengecilkan bilangan pekerja kerana perubahan teknologi baharu
 - D Perubahan dalam industri yang tidak memerlukan kemahiran pekerja

6. Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan kesan deflasi kepada masyarakat?
 - A Penduduk mengalami kehilangan pekerjaan
 - B Bertlaku peningkatan kuasa beli pengguna
 - C Penurunan penawaran barangan dalam pasaran
 - D Penurunan permintaan barangan dalam pasaran

7. Apakah kelebihan pengambilan sumber manusia dalam kepada sesebuah organisasi?
- A Dapat melahirkan idea baharu
 - B Pekerja bersemangat menjalankan tugas
 - C Organisasi mempunyai kemahiran baharu
 - D Dapat meningkatkan motivasi pekerja
8. Antara berikut, yang manakah adalah ciri organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)?
- I Keuntungan dikenakan cukai pendapatan
 - II Bertujuan memaksimumkan keuntungan
 - III Berorientasikan kebajikan untuk ahlinya
 - IV Sumber kewangan diperolehi daripada yuran keahlian
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

9. Pernyataan berikut berkaitan dengan Syarikat ABC.

Syarikat ABC ingin meningkatkan keuntungan sebanyak 15% dalam tahun 2019

Antara berikut, yang manakah benar berkaitan dengan visi Syarikat ABC?

- A Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
 - B Merupakan tujuan asas pembentukan sesebuah organisasi
 - C Dibentuk untuk meningkatkan memotivasikan pekerja
 - D Kaedah untuk mencapai matlamat oleh organisasi
10. Apakah maksud bahagian fungsian dalam sesebuah organisasi?
- A Berfungsi umum untuk bahagian tersebut
 - B Bertanggungjawab khusus untuk seluruh organisasi
 - C Merupakan fungsi umum untuk seluruh organisasi
 - D Bertanggungjawab khusus untuk bahagian tersebut

- 11 Pernyataan di bawah berkaitan dengan penjabatan mengikut fungsi.

Jabatan kewangan menguruskan segala peruntukan yang diterima dan mengagihkan peruntukan ke jabatan-jabatan lain mengikut kesesuaian

Antara berikut, yang manakah menerangkan objektif fungsian jabatan tersebut?


- A Merupakan objektif umum keseluruhan organisasi
 - B Merupakan objektif umum keseluruhan bahagian fungsian
 - C Merupakan objektif khusus jabatan dalam organisasi
 - D Merupakan objektif khusus setiap unit dalam organisasi
12. Bahagian fungsian yang manakah perlu menganalisis pembekal untuk membandingkan harga?
- A Bahagian pembelian
 - B Bahagian pemasaran
 - C Bahagian pentadbiran
 - D Bahagian pengeluaran
- 13 Yang manakah benar tentang peranan bahagian fungsian kewangan organisasi sesebuah perniagaan?
- A Mengurus kewangan setiap bahagian dalam organisasi
 - B Menyimpan data atau maklumat tentang kewangan organisasi
 - C Mencipta perisian untuk digunakan dalam urusan kewangan organisasi
 - D Memperkenalkan sistem baharu untuk pengurusan kewangan organisasi
- 14 Pernyataan di bawah berkaitan dengan sumber manusia dalam organisasi

Pekerja-pekerja dalam sesebuah organisasi perlu ditingkatkan kemahiran seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini

Pernyataan yang manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia di atas?

- A Berperanan untuk membina imej baik organisasi
- B Merupakan usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi
- C Berusaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
- D Berusaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

15 Rajah 1 berkaitan dengan carta organisasi Syarikat Mesra Sdn Berhad.



Rajah 1

Apakah yang ditunjukkan oleh carta organisasi tersebut?

- I Pembahagian kuasa
- II Pengasingan kuasa
- III Pembahagian kerja
- IV Pengkhususan kerja

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

16 Gambar 1 di bawah berkaitan dengan aktiviti pengeluaran



Gambar 1

Mengapakah sumber manusia dalam gambar 1 perlu diurus dengan cekap dan berkesan?

- I Untuk menghasilkan individu yang produktif
- II Untuk meningkatkan kualiti output
- III Untuk mengurangkan masalah ketidakhadiran pekerja
- IV Untuk memperbaiki kelemahan dalam sistem pentadbiran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

- 17 Apakah aspek penting yang diperlukan untuk menghasilkan pekerja yang cekap?
- I Diskripsi tugas yang jelas
 - II Motivasi pekerja yang tinggi
 - III Kelayakan akademik yang tinggi
 - IV Ganjaran kewangan yang adil
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Antara berikut, risiko yang manakah boleh dilindungi bagi perniagaan seseorang usahawan?
- A Risiko kebakaran
 - B Risiko gempa bumi
 - C Risiko kemerosotan ekonomi
 - D Risiko perubahan citarasa pelanggan
- 19 Gambar 2 di bawah berkaitan dengan satu jenis aktiviti perniagaan



Gambar 2

Apakah kepentingan ganjaran kepada pekerja tersebut?

- I Untuk menaikkan imej
 - II Untuk mewujudkan kesetiaan
 - III Untuk meningkatkan motivasi
 - IV Untuk mengurangkan tekanan kerja
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 20 Apakah kepentingan perlindungan insurans terhadap sumber fizikal kepada usahawan?
- A Melindungi nyawa pekerja
 - B Melindungi harta benda pekerja
 - C Melindungi perniagaan daripada risiko kecurian
 - D Melindungi perniagaan daripada persaingan yang tidak sihat
- 21 Yang manakah merupakan sumber modal luaran Kedai Nasi Ayam Ahmad?
- A Inventori
 - B Pembiayaan bank
 - C Wang tunai
 - D Pengurus kedai

- 22 Pernyataan berikut berkaitan dengan Kedai Emas Chalok.

Kedai Emas Chalok merupakan perniagaan barangan kemas yang terkenal di bandar Permaisuri, Setiu Terengganu. Perniagaan ini sangat berisiko tinggi

Apakah alat kelengkapan yang boleh dipasang pada premis perniagaan dari aspek keselamatan?

- I Pelan lantai
 - II Alat penggera
 - III Kamera litar tertutup
 - IV Pengawal keselamatan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 Yang manakah berikut merupakan sumber pembiayaan dalaman perniagaan?
- A Overdraif
 - B Bantuan modal
 - C Modal dari keuntungan
 - D Pembiayaan daripada institusi kewangan

- 24 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal dalam perniagaan.

Perniagaan Satay Chalok memiliki premis perniagaan yang mengandungi peralatan berteknologi tinggi untuk aktiviti pemrosesan sate

Apakah jenis insurans yang sesuai diambil oleh perniagaan tersebut?

- I Insurans kecurian
 - II Insurans liabiliti am
 - III Insurans kebakaran
 - IV Insurans kemalangan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 25 Gambar 3 adalah berkaitan dengan sejenis perniagaan makanan yang terdapat di Terengganu.



Gambar 3

Berikut merupakan agensi yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan tersebut kecuali

- A Majlis Amanah rakyat (MARA)
- B Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun)
- C Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)
- D Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE)

- 26 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan memperoleh modal melalui skim pajakan?
- I Dapat menghasilkan pendapatan
 - II Aset dimiliki selepas tamat tempoh pajakan
 - III Dapat digunakan tanpa mengeluarkan modal yang tinggi
 - IV Sebarang kerosakan perlu diselenggarakan oleh penyewa
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 27 Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi?
- A Liabilit semasa
 - B Jualan bersih
 - C Aset semasa
 - D Ekuiti pemilik
- 28 Mengapakah penyata kewangan perniagaan penting kepada pembiaya?
- A Menentukan keupayaan kewangan perniagaan
 - B Menentukan jumlah stok yang dibekalkan untuk perniagaan
 - C Menentukan kadar keuntungan perniagaan dalam sesuatu tempoh
 - D Menentukan jenis perniagaan yang dijalankan oleh seseorang usahawan
- 29 Antara berikut, butiran yang manakah terdapat dalam penyata aliran tunai?
- A Jualan kredit
 - B Hutang lapuk
 - C Ambilan barang niaga oleh pemilik
 - D Penerimaan daripada penghutang
- 30 Apakah kekuatan diri yang diperlukan untuk usahawan berjaya dalam perniagaan?
- A Memiliki modal yang tinggi
 - B Fokus tenaga dan tumpuan
 - C Perhubungan baik dengan rakan perniagaan
 - D Kemampuan mendapat pembiayaan kewangan

- 31 Pernyataan berikut berkaitan dengan aktiviti sebuah perniagaan.

Puan Rosmawati mengusahakan perniagaan kek di bandar Setiu, Terengganu. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kek seperti kek coklat, kek pandan dan kek strawberi. Selepas setahun, beliau menghasilkan kek perisa nenas dan keladi untuk pasaran negeri Terengganu.

Apakah ciri usahawan yang ada pada Puan Rosmawati?

- I Inovatif
 - II Kreatif
 - III Berani mengambil risiko
 - IV Berpandangan jauh
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?
- I Mewujudkan sikap berdikari
 - II Memupuk minat keusahawanan dalam keluarga
 - III Menyediakan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan
 - IV Mewujudkan ketenteraman dengan mengurangkan kadar jenayah
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 33 Apakah kemahiran yang boleh membangunkan fokus dan tenaga usahawan?
- A Kemahiran berkomunikasi
 - B Kemahiran membuat keputusan
 - C Kemahiran menyelesaikan masalah
 - D Kemahiran menetapkan visi dan misi
- 34 Apakah yang dimaksudkan tentang stok bergerak perlahan?
- A Stok lama yang tidak terjual
 - B Stok baharu yang lambat diterima daripada pembekal
 - C Stok yang mengambil masa yang lama untuk dijual
 - D Stok yang dijual tetapi bayarannya belum diterima daripada penghutang

- 35 Yang manakah merupakan campuran pemasaran yang terdapat dalam perniagaan?
- A Produk
 - B Pesaing
 - C Pembekal
 - D Pelanggan
- 36 Antara berikut, yang manakah merupakan Akta Penubuhan Perniagaan?
- A Akta Syarikat 2016
 - B Akta Kontrak 1950
 - C Akta Perihal Dagangan 1972
 - D Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011
- 37 Apakah faedah yang diperolehi oleh usahawan yang mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?
- A Dapat memperolehi untung yang lumayan
 - B Dikenakan cukai perniagaan yang rendah
 - C Membolehkan menjalankan perniagaan dengan selesa
 - D Dikecualikan daripada membayar lesen perniagaan dalam tempoh lima tahun
- 38 Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan tentang Rancangan Perniagaan?
- A Dokumen bertulis tentang maklumat perniagaan
 - B Dokumen bertulis tentang hala tuju dan matlamat perniagaan
 - C Dokumen bertulis tentang kedudukan kewangan perniagaan
 - D Dokumen bertulis tentang latar belakang perniagaan secara terperinci
- 39 Apakah kepentingan rancangan perniagaan kepada usahawan?
- A Dapat menjangka masalah yang bakal timbul
 - B Dapat memberi peluang usahawan menilai projek yang dirancang
 - C Membolehkan perniagaan mengaut keuntungan secara maksima
 - D Memberi panduan kepada usahawan dalam pengurusan organisasi
- 40 Pernyataan yang manakah menerangkan rancangan operasi?
- A Menerangkan maklumat sumber manusia
 - B Menerangkan maklumat perancangan kewangan
 - C Menerangkan keperluan operasi perniagaan
 - D Menerangkan sumber modal perniagaan